

Headline	Daftar bantuan RM500 mulai 10 Disember		
MediaTitle	Kosmo		
Date	01 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	1,3	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	537 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,669
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,007



Daftar bantuan **RM500** mulai **10 Disember**

Insentif kerajaan untuk 5.2 juta isi rumah miskin dibayar pertengahan Januari 2012



KELUARGA pemandu lori, Aziz Shafie dari Shah Alam ini adalah antara golongan rakyat yang gembira dan tidak sabar menantikan insentif RM500 daripada kerajaan untuk meringankan beban perbelanjaan khususnya kos sara hidup yang tinggi di bandar.

GAMBAR: MOHD. SHAHARANI SAIBI

KERAJAAN akan membuka pendaftaran untuk permohonan insentif Bantuan Tunai RM500 mulai 10 Disember ini.

Insentif membabitkan peruntukan RM2.6 bilion bagi meringankan beban rakyat berpendapatan rendah itu dijangka memberi faedah kepada 5.2 juta isi rumah di negara ini yang berpendapatan bulanan RM3,000 ke bawah.

Pemohon diberi tempoh sebulan untuk membuat pendaftaran di mana-mana pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) atau agensi-agensinya kerajaan terpilih dengan pembayaran kepada pemohon yang layak akan dibuat pada pertengahan bulan Januari ini.

Inisiatif itu diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam pembentangan Bajet 2012 pada Oktober lalu.

BERITA DI MUKA 3

Daftar bantuan RM500 mulai 10 Disember

KUALA LUMPUR – Proses pendaftaran untuk permohonan insentif Bantuan Tunai RM500 akan dibuka selama sebulan mulai 10 Disember ini dengan urusan pembayaran dijangka dilakukan pada pertengahan bulan Januari 2012.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah berkata, borang pendaftaran boleh didapati secara percuma mulai tarikh tersebut di Jabatan Pembangunan Persekutuan, Pejabat Cawangan dan Pusat Khidmat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) atau agensi-agensinya kerajaan yang terpilih.

Menurut Ahmad Husni, bantuan itu dijangka dapat memberi manfaat kepada se-

ramai 5.2 juta isi rumah atau 79.5 peratus daripada keseluruhan isi rumah negara ini.

“Pemberian ini melibatkan anggaran peruntukan sebanyak RM2.6 bilion,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dalam pembentangan Bajet 2012 pada Oktober lepas, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan pemberian bantuan tunai sekali bayar sebanyak RM500 kepada isi rumah yang berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah.

Pemberian insentif itu menggembarakan rakyat termasuk keluarga pemandu lori, Aziz

Shafie di Kampung Padang Jawa, Shah Alam.

Aziz, 49, ketika ditemui di rumahnya mahu menggunakan wang RM500 itu bagi membeli keperluan persekolahan tiga daripada tujuh anaknya yang masih bersekolah.

“Saya bersyukur dengan bantuan ini sebab dulu masa anak tengah ramai bersekolah, saya pernah mohon bantuan tetapi tak pernah dapat,” katanya sambil diperhatikan oleh

Headline	Daftar bantuan RM500 mulai 10 Disember		
MediaTitle	Kosmo		
Date	01 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	1,3	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	537 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,669
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,007

isterinya, Rosilahwati Ismail, 43.

Bagi peniaga warung di Kota Bharu, Kelantan, Abdul Fatah Mustapha, 36, bantuan kerajaan itu tepat pada masanya.

“Bulan Januari memang perit sebab belanja persekolahan anak-anak bukan sedikit,” kata bapa kepada enam anak itu.

INFO Bantuan Tunai RM500

● **Tarikh pendaftaran**

- 10 Disember 2011 hingga 10 Januari 2012

● **Tempat**

- Muat turun borang secara percuma di www.hasil.gov.my mulai 10 Disember atau dapatkan borang di pejabat Jabatan Pembangunan Persekutuan/Negeri, Pejabat Cawangan dan Pusat Khidmat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta agensi kerajaan.

- Borang yang lengkap perlu dikepilkan dengan salinan kad pengenalan dan diserahkan ke Jabatan Pembangunan Persekutuan/Negeri, sekolah-sekolah terpilih, pejabat cawangan LHDN atau 17 buah Pusat Khidmat Hasil di seluruh negara selewat-lewatnya 10 Januari 2012.

● **Siapa yang layak memohon?**

- Keluarga dengan pendapatan isi rumah RM3,000 ke bawah.

● **Kriteria pemohon**

- Ketua isi rumah yang merangkumi:
i. individu berkahwin, termasuk anak yang berkahwin dan tinggal bersama ibu bapa
ii. ibu atau bapa tunggal yang mempunyai tanggungan
iii. individu (bujang, duda, ibu tunggal) yang mempunyai tanggungan dan warga emas sebatang kara.

■ Untuk maklumat lanjut hubungi LHDN di talian 1-300-88-3010.



ABDUL FATAH (tiga dari kanan) bersama keluarganya menonton berita mengenai Bantuan Tunai RM500 di Kota Bharu semalam.